

Manuskrip '*Rihlah Ibn Battutah*' tentang

Alam Melayu

Satu Penerlitan Sejarah

Zarifah Arsani dan Muhamad Hasrul Zakariah

Pengenalan

Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abdillah ibn Ibrahim al-Lawati al-Tanji atau namanya yang masyhur, Ibn Battutah (704-779 H/1304-1377 M) merupakan tokoh pengembaraan yang terkenal bukan sahaja di dunia Islam tetapi juga di serata pelosok dunia. Pengembaraan beliau bermula dari Morocco pada 2 Rejab 725 Hijrah bersamaan 14 Jun 1325 Masihi dengan tujuan untuk menunaikan ibadah haji di Baitullah al-Haram dan menziarahi makam Rasulullah SAW. Secara umumnya, Ibn Battutah telah melakukan tiga siri pengembaraan yang semuanya mengambil masa selama 29 tahun. Negara yang telah dijelajahi oleh beliau ialah, Mesir, Syam, Semenanjung Tanah Arab, Afrika Timur, Asia Kecil, Rusia Selatan, India, China, Andalus (Sepanyol), dan Afrika Barat (Mali). Pelayaran beliau juga sampai ke Alam Melayu di Asia Tenggara khususnya di Samudera Pasai. Walaupun pengembaraannya ke Alam Melayu sangat singkat tetapi cukup untuk membuktikan kebenaran catatan '*Rihlah Ibn Battutah*' berkenaan kerajaan Samudera Pasai dari segi institusi politik, ekonomi dan kebudayaan seperti yang terkandung dalam bab ke-18 serta bab ke-20 dalam karya beliau. Dalam hal ini, pemilihan karya '*Rihlah Ibn Battutah*' begitu penting kerana catatan tersebut boleh dijadikan sebagai bukti sejarah sezaman berkenaan sejarah Islam di Alam Melayu. Hal ini kerana, Ibn Battutah telah menyaksikan sendiri beberapa peristiwa dan perkara yang berlaku dalam kerajaan Islam di Samudera Pasai sewaktu persinggahannya. Pelbagai tafsiran yang bersifat terperinci boleh dilakukan dalam setiap catatannya. Analisis tersebut sedikit sebanyak dapat membuktikan nilai objektiviti yang terkandung dalam karya beliau. Pada akhirnya, kita akan dapat melihat bahawa catatan '*Rihlah Ibn Battutah*' itu penting sebagai sumber untuk pembuktian berkenaan sejarah Islam di Alam Melayu.

Perincian Berkenaan Teks '*Rihlah Ibn Battutah*'

Karya terulung Ibn Battutah, iaitu '*Rihlah Ibn Battutah*' telah mengagumkan para sarjana di Timur dan juga Barat selain dinobatkan sebagai sebuah karya klasik dalam kesusasteraan Arab. Sebagai sebuah karya klasik, ia diakui oleh dunia sebagai memiliki mutu dan nilai yang tinggi sehingga nama beliau telah disebut dalam majalah tersohor National Geographic.¹ Pengiktirafan tersebut telah membolehkan beliau dinobatkan sebagai 'The Prince of Travelers', iaitu suatu penghormatan bagi seorang tokoh pengembara paling terkemuka dalam sejarah. Artikel utama edisi tersebut ditulis oleh penulis National Geographic yang berpengalaman iaitu, Thomas J. Abercombie.

Setelah menyempurnakan kembara sejauh 120,000 kilometer merentas Afrika, Eropah dan Asia, Ibn Battutah pulang ke Fez, Maghribi pada tahun 1354 Masihi. Sultan Maulana Abu 'Inan yang memerintah Maghribi pada ketika itu (1348-1358 Masihi) kemudiannya menitahkan supaya catatan pengembaraan Ibn Battutah yang lengkap direkodkan. Hal ini amat penting untuk memastikan catatan sepanjang perjalanan Ibn Battutah itu dapat disimpan dalam sebuah penulisan. Seorang jurutulis telah dititahkan oleh baginda untuk melaksanakan tugas tersebut iaitu Muhammad Ibn Juzayy al-Kalbi (1321-1358) yang berasal dari Granada, seorang penyair dan penulis muda di istana Sultan Abu 'Inan. Terdapat dua judul utama bagi karya ini, pertama ialah '*Rihlah Ibn Battutah*' yang merupakan judul yang paling masyhur dan tersebar luas. Judul kedua ialah *Tuhfat al-Nuzzar fi Ghara'ib al-Amsar wa 'Ajaib al-Asfar* yang bermaksud "Persembahan kepada para Pemerhati tentang Keanehan Kota Raya dan Keajaiban Pengembaraan", Karya ini pada mulanya hanya berlegar di sekitar Afrika Utara sejak kurun yang ke-14, tetapi mulai terkenal ke dunia luar apabila dunia Barat menemuinya dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Jerman, Perancis, Inggeris dan Itali. Setelah itu, karya '*Rihlah Ibn Battutah*' terus berkembang dengan penterjemahannya merentas bahasa Asia termasuk Parsi, Jepun, Cina dan Melayu.²

Penterjemahan '*Rihlah Ibn Battutah* ke dalam Bahasa Melayu amat penting supaya para pembaca yang tidak dapat membacanya dalam bahasa Arab boleh membacanya dalam bahasa Melayu. Dengan cetusan idea oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) memulakan usaha berani untuk

¹ Thomas J. Abercombie. "Ibn Battuta Prince Of Traveler." *National Geographic*, Vol. 180 No 6. Washington, D.C.: National Geographic Society, 6 Disember 1991) hlm. 15.

² Syed Nurulakla Syed Abdullah. "Cabaran Dalam Penterjemahan Sebuah Karya Arab Klasik". Dlm. A. Hassan, et. al. (pnys.). *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11 Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. 2008), hlm. 173.

menterjemahkan ‘*Rihlah* Ibn Battutah’ pada tahun 1993.³ Kerja penterjemahan dilaksanakan oleh dua orang penterjemah, iaitu Syed Nurulakla Syed Abdullah dan Adi Setia Mohd. Dom dari tahun 1993 hingga 2003.⁴ Akhirnya pada tahun 2003, IKIM menerbitkan edisi terjemahan Melayu berjudul “Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara agung, karya terulung, menyingkap wajah dunia”.

Dalam ‘*Rihlah* Ibn Battutah’ ini, catatan berkenaan Alam Melayu khususnya Kerajaan Samudera Pasai dapat dilihat dalam bab ke-18 dan ke-20. Catatan tersebut dibuat oleh Ibn Battutah sewaktu beliau singgah di Samudera Pasai untuk pelayaran ke Tanah Besar China. Bab ke-20 memperlihatkan catatan beliau berkenaan Kerajaan Samudera Pasai untuk persinggahan kali kedua sebelum beliau pulang ke Maghribi. Catatan beliau berkenaan kerajaan Samudera Pasai jelas mengandungi nilai sejarah berkenaan kerajaan Islam di Alam Melayu dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Catatan Ibn Battutah Berkenaan Politik Dalam Kerajaan Samudera Pasai

Sewaktu ketibaan Ibn Battutah ke Samudera Pasai, beliau menyaksikan sendiri institusi pemerintahan yang wujud dalam kerajaan tersebut. Pada ketika itu, kerajaan Samudera Pasai diperintah oleh Sultan al-Malik al-Zahir yang merupakan putera Sultan Malik al-Saleh yang merupakan pengasas kerajaan Samudera Pasai. Sistem pemerintahan berbentuk monarki ini jelas memaparkan pengaruh Islam yang terdapat dalam kerajaan Samudera Pasai sewaktu kedatangan Ibn Battutah. Kenyataan tersebut dapat dilihat gelaran ‘sultan’ yang digunakan oleh pemerintah tertinggi kerajaan Samudera Pasai pada kurun ke-14 Masihi. Gelaran yang mencirikan pengaruh Islam turut dapat dilihat melalui barisan pembesar dan pentadbir kerajaan Samudera Pasai seperti *wazir*, *amir*, *syarif* dan *fuqaha*. Catatan Ibn Battutah berkenaan perkara tersebut dapat dilihat seperti:

“Semasa Sultan al-Malik al-Zahir keluar dari masjid, baginda mendapati gajah dan kuda berada di luar pintunya. Apabila sultan menunggang gajah, orang yang bersama-sama dengan baginda akan menunggang kuda. Itulah adat yang diamalkan oleh penduduk. Sebaliknya, apabila baginda menunggang kuda, mereka pula akan menunggang gajah dan golongan ilmuwan berada di sebelah kanan baginda. Pada hari tersebut, Sultan al-Malik al-Zahir menunggang gajah. Oleh itu, kami menunggang kuda dan mengiringi baginda ke balairung seri. Kami pun turun sebagaimana adatnya dan sultan pula terus masuk dengan menunggang gajah. Di dalam balairung seri, semua *wazir*, *amir*, jurutulis, pegawai kerajaan dan panglima tentera telah pun berbaris. Baris yang pertama ialah baris *wazir* dan jurutulis. *Wazir-wazir* sultan ini seramai empat orang. Mereka mengucapkan salam kepada baginda dan kemudian beredar ke tempat mereka berdiri. Seterusnya pula ialah kumpulan *amir*. Mereka mengucapkan salam kepada baginda dan beredar ke tempat berdiri masing-masing. Demikianlah yang

³ Ibid. hlm. 176.

⁴ Ibid., hlm. 176.

dilakukan oleh setiap kumpulan. Selanjutnya ialah baris *syarif* dan *fuqaha*. Ini dituruti oleh baris orang yang sentiasa berdamping rapat dan sering menemani sultan, golongan cendekiawan serta penyair-penyair. Baris seterusnya pula ialah baris panglima tentera dan baris budak suruhan serta *mamluk*.⁵

Catatan Ibn Battutah ini jelas memperlihatkan institusi politik telah wujud dalam kerajaan Samudera Pasai sewaktu tempoh kedatangan beliau. Gelaran sultan dan para pembesar jelas mencerminkan pengaruh Islam melalui istilah yang diambil dari bahasa Arab. Keadaan ini turut disokong oleh ramai sarjana seperti Mahayudin Haji Yahaya, Abdul Rahman Haji Abdullah, dan Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam penulisan beliau berkenaan pengaruh Islam di Alam Melayu.

Apabila tertubuhnya sebuah kerajaan yang berdaulat di sesuatu kawasan, maka perkara tersebut menandakan wujudnya institusi politik yang berfungsi menjalankan urusan pentadbiran. Segala urusan pentadbiran tersebut hanya dapat diterapkan melalui satu sistem undang-undang yang menjadi falsafah dalam sebuah pemerintahan. Dalam kerajaan Samudera Pasai, kita dapat lihat bahawa kerajaan ini telah menjalankan pentadbiran berasaskan undang-undang Islam seperti yang dicatatkan dalam karya '*Rihlah* Ibn Battutah'. Menurut Ibn Battutah, masyarakat Islam dalam kerajaan Samudera Pasai sewaktu kunjungannya berpegang kepada Mazhab Syafi'e. Pada ketika itu, Mazhab Syafi'e menjadi sebahagian daripada kandungan dalam kegiatan keintelektualan yang wujud dalam kerajaan Samudera Pasai. Tambahan pula, Sultan al-Malik al-Zahir sendiri memainkan peranan penting dalam menjalankan perundangan Islam berdasarkan Mazhab Syafi'e ini. Seperti yang telah dijelaskan dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*, pengaruh Mazhab Syafi'e ini tiba dalam kerajaan Samudera Pasai serentak dengan kedatangan pendakwah Islam iaitu Syeikh Ismail dari Tanah Arab. Warisan Mazhab Syafi'e ini kemudiannya berkembang dalam praktik politik sultan-sultan Samudera Pasai berikutnya.

Catatan Ibn Battutah Berkenaan Ekonomi Dalam Kerajaan Samudera Pasai

Ketibaan Ibn Battutah di kerajaan Samudera Pasai pada kurun ke-14 telah memperlihatkan bahawa kawasan tersebut telah wujud sebagai penempatan manusia yang pesat. Keadaan tersebut dapat dilihat melalui keberadaan masyarakat Melayu sama ada di kawasan desa ataupun di kawasan kota yang menjadi pusat pentadbiran kepada kerajaan Samudera Pasai. Keadaan sedemikian wujud kerana, masyarakat dalam kerajaan Samudera

⁵ Ibn Battutah, *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*, (terj. daripada *Rihlah Ibn Battutah*). Ismail Haji Ibrahim & Wan Roslili Abd. Majid. (pnys.), Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Adi Setia Mohd. Dom (pterj.), (Petaling Jaya: MPH Group Publishing, 2010), hlm. 733.

Pasai saling berinteraksi antara satu sama lain demi kelangsungan kehidupan mereka. Gambaran awal Ibn Battutah mengenai kehidupan masyarakat Samudera Pasai sewaktu ketibaan beliau adalah:

“...mereka mendapatkan kami dengan menaiki sampan-sampan yang kecil dan penuh berisi dengan buah kelapa, pisang, mangga serta ikan. Mereka biasanya akan menghadiahkan semuanya itu kepada peniaga yang akan membalas pemberian mereka berdasarkan kemampuan masing-masing. Itulah adat yang mereka amalkan. Naib penguasa laut juga turut menemui kami dan selepas bersoal jawab dengan saudagar-saudagar yang ada bersama-sama dengan kami, beliau mengizinkan kami untuk mendarat.”⁶

Seperti yang akan dijelaskan selepas ini, kita dapat lihat bahawa kerjasama dalam kegiatan ekonomi yang wujud dalam kerajaan Samudera Pasai telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan masyarakat itu sendiri. Keadaan tersebut terhasil apabila masyarakat yang mengusahakan kegiatan pertanian berinteraksi dengan masyarakat di bandar dan persisiran pantai untuk sebuah kegiatan perdagangan. Gambaran yang telah diberikan oleh Ibn Battutah berdasarkan interaksi antara masyarakat itu turut disokong oleh sarjana seperti Mahayudin Haji Yahaya melalui sebuah artikel yang diterbitkan dalam Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu berjudul “*Umran dan Aplikasinya di Alam Melayu*” seperti:

“Kerjasama masyarakat yang mencetuskan kemakmuran alam semesta dan Hadarah dibina serta dilengkapi dengan segala kemudahan dan keperluan hidup di desa dan di kota termasuk perusahaan pertanian, perniagaan, pertukangan, sains dan teknologi. Perusahaan pertanian di desa menyediakan bekalan makanan kepada penduduk kota, sementara perusahaan perniagaan, sains dan teknologi menyediakan kemudahan peralatan kepada para petani di desa. Sikap kerjasama dan bantu-membantu ini bertujuan untuk mendapatkan keperluan hidup sama ada yang bersifat *daruri* (asasi) atau *hajji* (keperluan) atau *kamali* (kesempurnaan).”⁷

Gambaran yang telah diberikan oleh Mahayudin Haji Yahaya itu, secara tidak langsung bertepatan dengan catatan Ibn Battutah berkenaan keadaan masyarakat yang hidup dalam kota Samudera Pasai. Keadaan ini menggambarkan wujudnya sebuah tamadun berteraskan Islam di Alam Melayu seawal kurun ke-14 Masihi. Pada ketika itu juga, wilayah kerajaan Samudera Pasai telah berkembang sebagai pusat persinggahan pedagang daripada Tanah Arab mahupun benua Afrika. Situasi ini memperlihatkan bahawa Samudera Pasai bukanlah satu kerajaan yang terasing tetapi turut berinteraksi dengan kerajaan-kerajaan dari benua yang berbeza. Antara catatan Ibn Battutah berkenaan kegiatan ekonomi masyarakat di Alam Melayu pada ketika itu adalah:

⁶ Ibn Battutah, *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*, (terj. daripada *Rihlah Ibn Battutah*), hlm. 730.

⁷ Mahayudin Haji Yahaya, “*Umran Dan Aplikasinya Di Alam Melayu*”, *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6 (1), 2013, hlm. 16.

“... Ia merupakan sebuah kepulauan yang menghijau dan dipenuhi oleh bunga-bunga. Kebanyakan pokoknya ialah kelapa, pinang, bunga cengkih, gaharu India (syaki dan barki), jamun, limau manis serta buluh kapur barus. Jual beli penduduknya dibuat dengan menggunakan kepingan timah dan emas China tempatan yang tidak dilebur.”⁸

Gambaran yang terlihat dalam petikan ‘*Rihlah Ibn Battutah*’ di atas, jelas memperlihatkan bahawa masyarakat di Alam Melayu pada ketika itu begitu giat menjalankan kegiatan ekonomi jual beli. Kerajaan Samudera Pasai ketika itu telah pun menggunakan sistem mata wang untuk urusan perdagangan mereka. Pengenalan mata wang itu bermula sejak dari zaman Sultan al-Malik al-Zahir yang memerintah kerajaan Samudera Pasai sewaktu kedatangan Ibn Battutah.

Perkembangan pesat kegiatan ekonomi dalam kerajaan Samudera Pasai telah membawa kemajuan kerajaan tersebut dari segi perbandaran. Ibn Battutah turut merekodkan keadaan fizikal kota Samudera Pasai sewaktu kedatangan beliau dengan menyentuh perkara seperti keadaan kota, sistem pertahanan, dan pelabuhan. Catatan beliau berkenaan perkara demikian boleh dilihat seperti:

“Kami pun turun ke bandar yang merupakan sebuah kampung yang besar dan terletak di tepi laut. Di situ, terdapat rumah-rumah yang dinamai sebagai *sarha* oleh penduduk. Ia terletak sejauh empat batu daripada kota... Sumatera ialah sebuah kota yang cantik dan besar. Ia juga dikelilingi oleh tembok dan menara-menara kayu.”⁹

Penjelasan yang telah dibuat sebelum ini, telah memberikan gambaran bahawa kerajaan Samudera Pasai telah berkembang sebagai pusat kegiatan maritim di Alam Melayu. Kepsatan kegiatan perdagangan yang wujud telah menarik minat saudagar dari Arab, India dan China. Perkara ini sekali gus menyimpulkan bahawa kerajaan Samudera Pasai pada kurun ke-14 telah mencapai kemajuan perdagangan seperti yang terdapat dalam kerajaan Melaka dalam rantau yang sama.

Catatan Ibn Battutah Berkenaan Kegiatan Keilmuan Dalam Kerajaan Samudera Pasai

Kebudayaan masyarakat Melayu dalam kerajaan Samudera Pasai yang berteraskan nilai keintelektualan dapat dilihat sewaktu kedatangan Ibn Battutah pada kurun ke-14. Lingkungan keintelektualan itu bermula dari Sultan al-Malik al-Zahir itu sendiri yang sentiasa didampingi oleh para ilmuwan Islam. Dalam kebiasaan adat Melayu, setiap rakyat akan mudah mengikuti perbuatan yang dilakukan oleh pemerintah tertingginya. Oleh hal yang

⁸ Ibn Battutah, *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*, (terj. daripada *Rihlah Ibn Battutah*), hlm. 730.

⁹ Ibn Battutah, *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*, (terj. daripada *Rihlah Ibn Battutah*), hlm. 730.

demikian, sikap mementingkan ilmu itu mudah diserap ke dalam golongan rakyat bawahan dalam pembentukan sebuah masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan. Pernyataan tersebut dapat dilihat menerusi kegiatan pendidikan yang dijalankan oleh Sultan al-Malik al-Zahir bersama-sama dengan para ulama yang ada ketika itu. Menurut Ibn Battutah:

“Kemudian aku menemui sultan dan mendapati Kadi Amir Sayyid serta penuntut-penuntut ilmu berada di kanan selain kiri baginda. Baginda bersalam denganku dan aku pun mengucapkan salam kepadanya. Sultan mendudukkanku di sebelah kiri baginda dan menyoalku tentang Sultan Muhammad serta semua kisah pengembaraanku. Aku pun memberikan jawabannya. Seterusnya sultan kembali menyertai *muzakarah* fiqh berasaskan mazhab Imam Syafi‘e hingga Solat Asar.”¹⁰

Apabila kita perhatikan catatan Ibn Battutah di atas, terdapat dua perkara penting yang boleh dikupas berdasarkan pengaruh Islam dalam kerajaan Samudera Pasai. Perkara tersebut adalah pengamalan Mazhab Syafi‘e dalam kalangan masyarakat dan tradisi *muzakarah* sewaktu kegiatan pendidikan dijalankan. Fenomena ini merupakan kesinambungan daripada pengaruh mazhab tersebut yang telah wujud sekian lama. Faktor utama yang menyebabkan meluasnya pengaruh Mazhab Syafi‘e ini adalah kerana sebahagian besar pendakwah yang tiba di kerajaan ini kebanyakannya merupakan pengikut mazhab tersebut. Aktiviti *muzakarah* pula merujuk kegiatan perbincangan atau pengajian yang dilakukan oleh sekelompok individu dalam lingkungan aktiviti keintelektualan.¹¹ Istilah *muzakarah* itu sendiri datang daripada istilah Arab yang dibawa seiring dengan pengaruh Islam dalam kerajaan Samudera Pasai. Lazimnya, kegiatan *muzakarah* ini akan membincangkan perkara berkaitan kemaslahatan yang timbul dalam kalangan masyarakat untuk menghasilkan sebuah diskusi keilmuan. Samudera Pasai merupakan antara kerajaan terawal di Alam Melayu yang menerima Islam dan telah menjadi pusat kegiatan dakwah serta terus menjadikan Mazhab Syafi‘e sebagai mazhab utama dalam meletakkan asas-asas hukum yang menjadi ikutan penduduk di kerajaan ini. Berkenaan dengan konsep *muzakarah*, perkara tersebut dapat dilihat melalui perbincangan antara Sultan al-Malik al-Zahir dengan para ilmuwan Samudera Pasai ketika itu. Perbincangan berkenaan Mazhab Syafi‘e itu berkisar tentang ibadah dan akhlak yang terdapat dalam ajaran Islam. Pada masa yang sama, *muzakarah* yang dijalankan bertujuan untuk pengajaran ilmu tauhid dan membawa manusia ke arah *ma'rifatullah*¹². Aliran mazhab ini

¹⁰ Ibn Battutah, *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia*, (terj. daripada *Rihlah Ibn Battutah*), hlm. 732.

¹¹ Jacob M. Landau, *A Word Count Of Modern Arabic Prose*, (New York: American Council of Learned Societies. 1959), hlm. 103.

¹² *Ma'rifatullah* merupakan teras utama dalam akidah Islam. Ia dianggap sebagai alpha dan omega dalam perjalanan seorang Muslim khususnya dalam konteks menuntut ilmu. Hal ini kerana tiada ilmu yang lebih tinggi daripada ilmu Mengenal Allah Ta'ala. Lantaran itu, *Ma'rifatullah* menjadi suatu peringatan penting yang disampaikan oleh para ulama kepada umat Islam sama ada secara lisan atau tulisan termasuklah para ulama di

seterusnya dikembangkan oleh para *fuqaha*¹³ agama di masjid dalam kerajaan Samudera Pasai yang banyak menekankan fatwa serta pengajaran daripada mazhab tersebut. Situasi ini telah berjaya mempengaruhi kerajaan dan rakyat di Samudera Pasai untuk lebih kuat berpegang dengan mazhab berkenaan.

Perkembangan aktiviti keintelektualan dalam kerajaan Samudera Pasai ini turut menjadi jambatan penghubung kerajaan tersebut dengan kerajaan di rantau Alam Melayu yang lain. Perkara tersebut terbukti melalui perhubungan antara kerajaan Samudera Pasai dengan Empayar Melaka yang pada ketika itu giat menjalankan kegiatan keilmuan. Hikayat *Sulalat al-Salatin* misalnya telah menjelaskan perkara tersebut melalui perutusan yang dihantar oleh Sultan Mansur Shah¹⁴ ke Samudera Pasai untuk mendalami dan menterjemahkan karya berbahasa Arab ke Samudera Pasai. Antara catatan *Sulalat al-Salatin* yang menjelaskan perkara tersebut adalah seperti berikut:

“Setelah itu Maulana Abu Bakar turun dari atas kapal membawa kitab *Durr Manzum*. Setelah datang ke Melaka maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Shah pun berguru pada Maulana Abu Bakar. Maka oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Shah sangat dipujinya, terlalulah terang hati baginda, banyaklah ilmu diperolehlah baginda. Maka Sultan Mansur Shah *Durr Manzum* itu disuruh baginda ertikan ke Pasai, kepada Tun Pematikan. Maka oleh Tun Pematikan diertikannya. Setelah sudah maka dihantarkannya ke Melaka... Maka terlalulah sukacita Sultan Mansur Syah. Maka erti *Durr Manzum*, itu ditunjukkan kepada Maulana Abu Bakar. Maka berkenan pada Maulana Abu Bakar bunyi erti itu. Maka berapa puji akan Tun Pematikan.”¹⁵

Alam Melayu. Untuk penjelasan lebih lanjut, sila rujuk Yusri Mohamad Ramli et. al. “Ma’rifatullah menurut Syaikh Hamzah Fansuri”. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(3), 2016: 41.

¹³ *Fuqaha*’ merujuk kepada golongan cerdik pandai yang mahir dalam hukum Islam dalam kemaslahatan yang berkaitan dengan agama. Kebiasaannya golongan ini akan mengeluarkan pandangan atau fatwa berkenaan isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat yang berada dalam lingkungannya. Golongan *Fuqaha*’ ini perlu mahir dalam nahu bahasa Arab kerana bidang ilmu itu dapat membantu mereka untuk menganalisis nas dan dalil yang berkait rapat dengan ayat Al-Quran dan hadis. Untuk keterangan lanjut, sila lihat, Mohd Anuar Ramli & Muhammad Ikhlas Rosele. “Sumbangan Ulama Melayu Klasik dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu.” *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 27, 2016, hlm. 181.

¹⁴ *Sulalat al-Salatin* menyebut tempoh pemerintahan Sultan Mansur Syah adalah yang paling lama dalam kerajaan Melaka. Pada zaman baginda, hubungan luar Melaka terjalin sehingga ke China pada zaman Dinasti Ming. Baginda juga telah memperisteri Hang Li Po yang dikatakan sebagai Puteri kepada Maharaja China pada ketika itu. Selain itu, hubungan luar kerajaan Melaka turut terjalin dengan kerajaan Campa melalui perkahwinan siasah antara Sultan Mansur Shah dengan Puteri Raja Campa. Untuk keterangan lanjut sila rujuk, Tun Suzana Tun Hj. Othman. *Tun Seri Lanang: Sejarah dan Warisan Tokoh Melayu Tradisional*. (Kuala Lumpur: Media Sateria, 2008), hlm. 45. Lihat juga, W.G. Shellabear, *Sejarah Melayu*, (Singapura: Malaya Publishing House, 1961), hlm. 91., Muhammad Haji Salleh, *Sulalat Al-Salatin Ya’ni Perteturan Segala Raja-Raja* (Sejarah Melayu), Karangan Tun Seri Lanang. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh (Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997), hlm. 104.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 120.

Berdasarkan petikan tersebut, kerajaan Melaka telah merujuk ke Samudera Pasai untuk mentafsirkan kitab *Durr Manzum*¹⁶ yang ditulis oleh Maulana Abu Ishak al-Syirazi, seorang ahli sufi. Antara lain kitab ini membahas berkaitan dengan masalah tauhid, khususnya tentang persoalan zat, sifat dan perbuatan Allah. Walaupun ada pendapat yang menganggap kitab ini sebagai kitab tasawuf tetapi ada pendapat lain yang mengatakan sebagai kitab tasawuf akidah. Mungkin kerana kitab ini sukar difahami kerana ditulis dalam bahasa Arab, maka Sultan Mansur Shah telah menitahkan supaya dibawa ke Samudera Pasai untuk ditafsirkan atau diterjemahkan oleh pihak ulama. Kemudian, apabila usaha ini telah selesai, ia dibawa semula ke Melaka untuk diajar oleh Maulana Abu Bakar yang bertanggungjawab membawa kitab itu ke Melaka.

Kesimpulan

Akhirnya kita akan mendapati bahawa Ibn Battutah telah meninggalkan satu catatan penting berkenaan Dunia Melayu dalam karyanya. Perkara tersebut lebih penting kerana Ibn Battutah itu sendiri merupakan individu dari luar yang menulis berkenaan kerajaan Samudera Pasai. Oleh sebab itu, kita dapat fahami catatan beliau bukanlah bersifat bias terhadap penduduk setempat kerana beliau bukanlah berbangsa Melayu. Dalam jangka panjang, catatan beliau ini terus relevan sebagai satu bukti bahawa wujudnya satu peradaban di Alam Melayu seawal kurun ke-14 Masihi lagi. Catatan beliau berkenaan kerajaan Samudera Pasai jelas memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu di situ telahpun mencapai ketinggian tatasusila dan kebudayaan untuk membentuk tamadun Melayu.

Bibliografi

Manuskrip Melayu

- A. Hasjmy. 1976. *Ruba'I Hamzah Fansuri: Karya Sastera Sufi Abad XVII*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Battutah. 2010. *Pengembaraan Ibn Battutah: Pengembara Agung, Karya Terulung, Menyingkap Wajah Dunia. (terj. daripada Rihlah Ibn Battutah)*. Ismail Haji Ibrahim & Wan Roslili Abd. Majid. (pnys.). Syed Nurul Akla Syed Abdullah & Adi Setia Mohd. Dom (pterj.). Petaling Jaya: MPH Group Publishing.

¹⁶ Durr al-Manzum bermaksud Mutiara Terkarang atau Seuntai Mutiara iaitu sebuah kitab tasawuf yang terkenal di Melaka di zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah. Karya ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian pertama membahaskan tentang zat Allah, bahagian kedua membahaskan tentang sifat-sifat Allah dan bahagian ketiga membahaskan tentang af'al-Nya. Untuk keterangan lanjut, sila lihat, Shafie Abu Bakar, "Kitab Dar Al-Mazlum Dan Maklumat Sebagai Pancaran Budaya Ilmu Di Melaka: Permasalahan Dan Pengaruhnya", *Kertas Kerja Di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989, hlm. 7.

- Jones, Russell. 1999. *Hikayat Raja Pasai*. Dikaji Dan Diperkenalkan Oleh Russell Jones. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bukhari al-Jauhari. 1992. *Taj Us-Salatin*. Karangan Bukhari al-Jauhari. Khalid M. Hussein (pnys.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kozok, Uli. 2006. *Kitab Undang-Undang Tanjung Tanah: Naskhah Melayu yang Tertua*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Uli Kozok. Jakarta: Yayasan Naskhah Nusantara.
- Muhammad Haji Salleh. 1997. *Sulalat Al-Salatin Ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja* (Sejarah Melayu). Karangan Tun Seri Lanang. Dikaji dan diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Polo, Marco. 1968. *The Travels Of Marco Polo: The Venetian*. (terj. William Marsden & Thomas Wright). New York: AMS Press.
- Shellabear, W.G. (pnys.). 1961. *Sejarah Melayu*. Singapura: Malaya Publishing House.

Buku dan Artikel

- A. Hasmy. 1981. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam Di Indonesia*. Bandung: Alma'arif.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1990. *Sejarah Dan Pemikiran Umat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1990. *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 2006. *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1999. *Falsafah Alam Semesta Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 2001 *China: Pensejarahan Dan Pembinaan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail & Cheah Boon Kheng. 2009. *Sejarah Melayu: The Malay Annals*. Petaling Jaya, Selangor: Malasian Branch of The Royal Asiatic Society.
- Abdul Rahman Haji Ismail et al. 2012. *1262: A New Date On The Establishment Of The Melaka Malay Sultanate Discovered*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Abercombie, Thomas. J. (6 Disember 1991). "Ibn Battuta Prince Of Travellers". Dlm. *National Geographic*, Vol. 180 No. 6, Washington, D. C.: National Geographic Society.
- Abu Hasan Syam. 1981. Abu Hassan Sham, *Perhubungan Melaka Dengan Pasai Di Abad ke-15 Dan 16*. *Jurnal Sejarah Melaka*. Jilid 6: 5-14.

- Ahmat Adam, 2017. *Batu Bersurat Terengganu: Betulkah Apa Yang Dibaca Selama Ini?*. Petaling Jaya: Strategic Information And Research Development Centre.
- Ali Ahmad. 1987. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Adair. 2014. *Kepimpinan Muhammad*. (terj. Wan Abu Bakar Wan Abas). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad (ITBM).
- Amat Juhari Moain. 1987. *Jihad dan pengertiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sahidah Rahem. 2014. *Tuhan, Manusia Dan Alam dalam Al-Quran: Pandangan Toshihiko Izutsu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ali Ahmad. 1987. *Karya-Karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Sahhar & Abdul Hamid Jaudah. 1993. *Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2011. "Perkembangan Pensejarahan Di Alam Melayu". *Jurnal AL-Tamadun*, (6): 29-50.
- Arno, Joan & Grady, Helen. 1998. *Ibn Battuta: A View Of The 14th Century World*. University of California, Los Angeles: National Center for History in the School.
- Ayatrohaedi. 1993. "Struktur Masyarakat Pasai", Dlm. Susanto Zuhdi (pnys.). *Pasai Kota Pelabuhan Jalan Sutra: Kumpulan Makalah Diskusi*. Jakarta: Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Sejarah Nasional.
- Beckhingham, C. F. 1994. *The Travels Of Ibn Battuta A. D. 1325-1354: Translated With Revisions And Notes From Arabic Text*. C. Defremery and B. R. Sanguinetti (pnys.). Cambridge: Cambridge University Press untuk Hakluyt Society.
- Baker, Keith M. 1981. "Enlightenment And Revolution In France: Old Problems Renewed Approaches". *Journal of Modern History* 53 (2): 281-303.
- Baloch, N. A. 1997. *Great books of Islamic Civilisation, Kitab Bhavan*. New Delhi: Bartholomew World Atlas, Leicester: Galley Press. Dipetik dlm. Syed Nurul Akla Syed Abdullah. 2015. *Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Cheah Boon Kheng. 1993. "Ketidakadilan Raja dan Keruntuhan Kerajaan Melaka : Pengadilan Moral Di dalam Sejarah Melayu". Dlm Qasim Ahmad (pnys.). *Kekerasan dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denisova, Tatiana A. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Dunn, Russ E. 1986. *The Adventures of Ibn Battuta: A Muslim Traveler Of The 14th Century World*. London: Croom Helm.

- Edi S. Ekadjati. 1975. *Penyebaran Agama Islam Di Pulau Sumatera*. Bandung: Q. T. Sanggabuwana.
- Fadhullah Jamil. 1985. *Rasulullah S.A.W. Sebagai Pembina Insaniah*. Pulau Pinang: Pusat Islam Universiti Sains Malaysia.
- Fatimi, S. Q. 1963. *Islam Comes To Malaysia*. (terj. Shirle Gordon). Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Furnivall, J. S. 1983. *Hindia Belanda: Satu Pengkajian Ekonomi Majmuk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Aboebakar Atjeh. 1977. *Ilmu Fiqh Islam Dalam Lima Mazhab Untuk Perguruan Tinggi Islam*. Jakarta: Islamic Research Institute.
- Hall, D. G. E. 1968. *A History Of South-East Asia*. London: Macmillan.
- Hall, E. T. 1990. *The Silent Language*. New York: Anchor Books.
- Haji Jainal Sakiban Al-Jauhari. 2009. *Persoalan Mazhab: Kenapa Perlu Mengikut Mazhab?*. Johor Baharu: Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Hamka. 1981. *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pusaka Antara Kuala Lumpur.
- Hamka. 2016. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Publishing House Sdn. Bhd..
- Hitti, Philip Khuri. 1970. *History Of The Arabs: From The Earliest Times To The Present*. London: Palgrave Macmillan.
- Hitti, Philip Khuri. 1980. *The World Of Islam*. James Kritzeck & R. Bayly. Winder (pnys.). New York: Books of Libraries.
- Hj Pocut Haslinda MD Azwar. 2011. *Silsilah Raja-Raja Islam Di Aceh: Hubungannya Dengan Raja-Raja Islam Melayu, Nusantara*. Jakarta: Yayasan Tun Sri Lanang.
- Hourani, Albert H. 1945. *Great Britain And The Arab World*. London: John Murray.
- Hurgronje, C. Snouck. 1985. *Aceh: Di Mata Kolonialis*. (terj. Ng. Singarimbun). Jakarta: Yayasan Soko Guru.
- Idris Mansor, 2015. "Prosedur Peminjaman dan Elemen Sosiobudaya dalam Terjemahan *Rihlat Ibn Battutah*". *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, 33 (2): 61-81.
- Idriz Zakaria, 1991. *Teori Politik Al-Farabi Dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jessy, Joginder Singh. 1978. *Sejarah China Dan Jepun*. Ghazali Bin Basri (pnys.). Kuala Lumpur: Anthonian.
- K. Ramanathan. 1988. *Konsep Asas Politik*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lewis, Bernard. 1977. *Arab dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Landau, Jacob M. 1959. *A Word Count Of Modern Arabic Prose*. New York: American Council of Learned Societies.

- Lombard, Denys. 2008. *Hikayat Aceh Zaman Sultan Iskandar Muda (1607 – 1636)*. (terj. Winarsih Arifin). Jakarta: Kepustakaan Populer Gramedia.
- Mahayudin Haji Yahaya. 1990. *Islam Di Sepanyol Dan Sicily*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. 1998. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. 2000. *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Haji Yahaya. 2013. “‘Umran Dan Aplikasinya Di Alam Melayu”. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6 (1): 1-33
- Mahayudin Haji Yahaya. 2015. “‘Umran: Pemangkin Wasatiyyah di Alam Melayu”. *JSASS*, 2 (2): 231-246.
- Malik Bennabi. 2007. *Asal Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. (terj. Muhammed El-Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Marrison, G. E. 1951. “The Coming Of Islam To The East Indies”. *JMBRAS*, 24(1): 28-37.
- Mohamad Abu Bakar. 2000. “Islam dalam Pembinaan Tamadun di Malaysia”. Dlm A. Aziz Deraman & Taib Osman (pnys.). *Peradaban Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Anwar Omar Din. 2011. “Asal Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarah”. *Jurnal Melayu* (7): 1-82.
- Mohd Anuar Ramli & Muhammad Ikhlas Rosele. 2016. “Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Pembinaan Kearifan Tempatan di Alam Melayu.” *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 27: 178-196.
- Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani Mohammad. 2009. *Kajian Semantik Dan Mu'jam 'Arabiy*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Zainiy Uthman & Azlan Hashim. 2012. “The Correct Date Of The Terengganu Inscription: Reconfirmation Using Astronomical Computer Programs”. Dlm Muhammad Zainiy Uthman. (Pnys.). *Batu Bersurat Terengganu: Its Correct Date, Religio-Cultural And Scietific Dimenstions*. Kuala Lumpur: Department of National Heritage.
- Mujamil Qomar, 2015. “Islam Nusantara: Sebuah Alternatif Model Pemikiran, Pemahaman Dan Pemahaman Islam”, *El-Harakah*, 17 (2): 198-216.
- Nazarudin Zainun & Darlina Md. Naim. (pnys.). 2014. *Merekayasa Kearifan Tempatan: Budaya Pelancongan, Arkeologi Dan Sejarah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Qasim Ahmad. 2016. *Penyelidikan: Pendekatan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Rosenthal, Franz. 1968. *A History Of Muslim Historiography*. Leiden: E. J Brill.
- Rumford, James. 2001. *Travelling Man: The Journey Of Ibn Battuta 1325-1354*. New York: Houghton Mifflin Company.
- S. M. Naquib Al-Attas. 1969. *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- S. M. Naquib al-Attas. 1970. *The Mysticism Of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- S. M. Naquib al-Attas. 1972. *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. M. Naquib al-Attas. 1977. *Islam: Faham Agama Dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: ABIM.
- S. M. Naquib al-Attas. 1995. *Prolegomena To The Metaphysics Of Islam: An Exposition Of The Fundamental Elements Of The Worldview Of Islam*. Malaysia: International Institute Of Islamic Thought and Civilization.
- S. M. Naquib al-Attas. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu Dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- S. M. Naquib al-Attas. 2011. *Historical Fact And Fiction*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- S. M. Naquib al-Attas. 2015. *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu: Jumaat, 4 Hari Bulan Rajab, 702 Hijrah Bersamaan 22 Hari Bulan Februari, 1303 Masihi*. (terj. Muhammad Zainiy Uthman). Kuala Lumpur: CASIS, UTM, & HAKIM.
- Sankari, Farouk A. 1970. *Plato and Al-Farabi: A Comparison Of Some Aspects Of Their Political Philosopher*. USA: Connecticut.
- Seyyed Hossein Nasr. 2010. *Pengenalan Doktrin Kosmologi Islam*. (terj. Baharudin Ahmad & Osman Bakar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Satendra Kumar Mishra. 2015. "Mohammad-Bin-Tughluq: The Right Side Of The Wrongly Presented Innovator". *International Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 2(3): 778-781.
- Slamet Muljana. 1983. *Pemugaran Persada Sejarah: Leluhur Majapahit*. Jakarta: Inti Idayu Press.
- Slamet Muljana. 2005. *Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa Dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara*. Yogyakarta: LKIS.
- Surtahman Kastin Hasan. 1993. *Ekonomi Islam: Dasar Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Susanto Zuhdi. (pnys.). 1993. *Pasai Kota Pelabuhan Jalan Sutra: Kumpulan Makalah Diskusi*. Jakarta: Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Sejarah Nasional.
- Landau, Jacob M. 1959. *A Word Count Of Modern Arabic Prose*. New York: Council of Learned Societies.

- Shafie Abu Bakar. (Ogos 1989). "Kitab Dar Al-Mazlum Dan Maklumat Sebagai Pancaran Budaya Ilmu Di Melaka: Permasalahan Dan Pengaruhnya," *Kertas Kerja Di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu*, Universiti Malaya, 21-23.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. 2008. "Cabaran Dalam Penterjemahan Sebuah Karya Arab Klasik". Dlm. A. Hassan, (pnys.). *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11 Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Syed Zulflida S. M. Noor. 2006. *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka: Kemunculan Dan Kegemilangan*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Tan Kim Hong. 1995. "Di Sekitar Pemerintahan Wangsa: Ssu Ma Ch'ien Dan Penulisan Sejarah Sezaman". Dlm Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (pnys.). *Isu-Isu Pensejarahan: Esei Penghargaan Kepada Dr. S. Suntharalingam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Tun Suzana Tun Hj. Othman. 2008. *Tun Seri Lanang: Sejarah Dan Warisan Tokoh Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Media Sateria.
- Walzer, Richard. 1985. *Al-Farabi on the Perfect State: Abu Nasr al-Farabi s Mabadi ara ahl al Madina al-Fadila*. Oxford:Clarendon Press.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 2014. *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsepsi Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Winstedt, Richard O. 1918. "The Tomb Of Mansor Shah Of Malacca 1459-1475". *JSBRAS*, No. 78: 47-48.
- Yusri Mohamad Ramli et. al. 2016. "Ma'rifatullah Menurut Syaikh Hamzah Fansuri". *International Journal Of The Malay World And Civilisation (Iman)*, 4(3): 41-47.
- Tesis dan Latihan Ilmiah**
- Idris, Mansor. 2011. *Procedures And Strategies In The Translation Into Malay Of Cultural Elements Of Rihlat Ibn Battuta*. Tesis Ph. D., Leeds: The University of Leeds.
- Mazlina Harun. 2001. *Sejarah Sebagai Pengajaran Moral dalam Konteks Historiosofi Melayu: Satu Interpretasi Terhadap Hikayat Raja Pasai dan Sejarah*. Tesis Master Mod Campuran. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Noorilham bin Ismail. 2016. *Peranan Mufti Dalam Pentadbiran Johor Ketika Era Imperialisme British, 1885-1941*. Latihan Ilmiah. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Nurul Wahidah binti Fauzi. 2012. *Ulama Arab Hadhrami Dalam Pentadbiran Dan Pendidikan Islam Di Johor: Analisis Terhadap Sumbangan Syed 'Abdul Qadir Bin Muhsin Al-'Attas Dan Syed 'Alwi B. Tahir Al-Haddad*. Tesis Ph. D., Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shahrul Anuar bin Nordin. 2012. *Pemikiran Politik Islam di Aceh pada Abad ke-17 M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj Al-Salatin, Sulalah Al-Salatin dan Bustan Al-Salatin*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Nurulakla Syed Abdullah. 2015. *Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penterjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Biodata Pembentang:

Zarifah binti Arsani berasal dari Tanjung Karang, Selangor. Pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sastera Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia yang bermajor dalam bidang pengajian Sejarah.